

**Najib Berbuka Puasa Bersama Anggota Mt Umno  
Bernama  
3 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat menghadiri majlis berbuka puasa bersama anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Majlis itu berlangsung selepas beliau mempengerusikan mesyuarat MT yang berlangsung selama kira-kira tiga jam di Menara Dato' Onn.

Turut hadir isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor, timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin, Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor serta pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN).

Najib kemudiannya menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih berjemaah bersama anggota MT di Surau Ar-Rahman yang terletak di aras empat Pusat Dagangan Dunia Putra.

Terdahulu, Presiden Umno turut menyempurnakan penyampaian sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim dari Asrama Anak Yatim Damai, Kuang; Rumah Anak Yatim Nurhikmah, Kajang dan Rumah Anak Yatim Kasih Harmoni, Rawang, Selangor.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685567>





